

u 8549 A A B  
CHOGM - KESATUAN  
(I)

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) -- KEMPEN YANG DIJALANKAN OLEH MAJLIS KESATUAN SEKERJA KOMANWEL (CTUC) UNTUK MEMPERHEBATKAN SEKATAN EKONOMI TERHADAP AFRIKA SELATAN MENDAPAT SOKONGAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MENURUT KESATUAN ITU HARI INI.

JAWATANKUASA PEMANDU CTUC, YANG MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN PERDANA MENTERI, BERKATA PIHAKNYA TELAH DIBERI JAMINAN BAHAWA MALAYSIA AKAN MENERUSKAN USAHA UNTUK MENDESAK REJIM PRETORIA SUPAYA MENGHAPUSKAN DASAR APARTEIDNYA.

PENGARAH CTUC, ENCIK PATRICK QUINN MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELPAS PERTEMUAN SATU JAM DENGAN PERDANA MENTERI BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR BERSEPENDAPAT DENGAN JAWATANKUASA ITU BAHAWA SEKATAN EKONOMI KE ATAS AFRIKA SELATAN PERLU DIPERHEBATKAN LAGI.

PERWAKILAN CTUC KINI BERADA DI MALAYSIA UNTUK MENYAKINKAN PARA PERWAKILAN YANG MENGHADIRI MESYAUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) YANG BERMULA RABU INI, UNTUK MENINGKATKAN SEKATAN EKONOMI TERHADAP REJIM ITU DISAMPING MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENYEKAT AFRIKA SELATAN CAMPURTANGAN DALAM PSLIHANRAYA DI NAMIBIA.

JAWATANKUASA ITU MENYERAHKAN SATU MEMORANDUM MENGENAI PERKARA ITU KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR DAN SALINANNYA AKAN DIBERIKAN KEPADA KETUA-KETUA PERWAKILAN. -- LAGI  
1907MST 16 10 89

0491

U 8551 A A B  
CHOGM - KESATUAN 2 KUALA LUMPUR

MENURUT ENCIK QUINN, DATUK SERI DR MAHATHIR MAHU AGAR PILIHANRAYA DI NAMIBIA ITU BERJALAN DENGAN ADIL DAN SAKSAMA DAN REJIM AFRIKA SELATAN MENGHENTIKAN SEGALA TINDAKAN YANG MENJEJASKAN KESTABILAN RANTAU ITU.

DUA WAKIL PEKERJA DARI AFRIKA SELATAN IAITU PRESIDEN MAJLIS KESATUAN SEKERJA KEBANGSAAN AFRIKA SELATAN, ENCIK JAMES MNDAWENI DAN PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG KONGRES KESATUAN SEKERJA AFRIKA SELATAN, ENCIK SYDNEY MUFAMADI, JUGAMENGHADIRI PERJUMPAAN ITU.

KEDUA-DUA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA ITU DIUNDANG OLEH CTUC UNTUK MENYEDIAKAN BUTIR-BUTIR TENTANG APA YANG DIKATAKAN OLEH MEREKA PENINDAS

OLEH KERAJAAN PRETORIA. KEDUA-DUA BADAN ITU TIDAK BERGABUNG DENGAN CTUC, YANG MENJADI BADAN INDUK PERSEKUTUAN KESATUAN SEKERJA DALAM KOMANWEL.

MENURUT ENCIK MUFAMADI PULA, DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MEMBERI JAMINAN KEPADA CTUC BAHAWA BELIAU (PERDANA MENTERI) AKAN +MENJAJA+ KEMPEN JAWATANKUASA ITU DI CHOGM.

ENCIK QUINN BERKATA PERDANA MENTERI TELAH MEMBERITAHU CTUC BAHAWA MALAYSIA TIDAK AKAN DIKELIRUKAN OLEH PEMBEBASAN LAPANPEMIMPIN PEJUANG ANTI-APARTEID OLEH KERAJAAN AFRIKA SELATAN, SEMALAM. -- LAGI  
1909MST 16 10 89

D492

U B552 AAB  
CHOGM - KESATUAN 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA MASIH TIADA KOMITMEN BERSUNGGUH-SUNGGUH DA  
RI  
KERAJAAN PRETORIA BAGI MENGAKHIRI DASAR ITU.

DIFAHAMKAN BAHAWA PERWAKILAN CTUC, YANG MENGANDUNGI ANGGOTA  
JAWATANKUASA PEMANDU CTUC DAN SETIAUSAHA AGUNG KONGRES KESATUAN SEKER  
JA

MALAYSIA (MTUC), ENCIK V. DAVID, JUGAMEMBANGKITKAN BEBERAPA PERKARA  
LAIN

PADA PERJUMPAAN ITU.

BAGAIMANAPUN ENCIK QUINN ENGGAN MEMBERI KOMEN MENGENAI PERKARA ITU

ANTARANYA MASALAH PENCEMARAN, HAK ASASI MANUSIA DAN BURUH.

BELIAU MENYIFATKAN PERJUMPAAN DENGAN PERDANA MENTERI ITU SEBAGAI A  
MAT

BERGUNA DAN BAGUS.

PRESIDEN CUEPACS, ENCIK MOHAMAD ABAS, JUGA TURUT HADIR.

PERWAKILAN ITU DIJADUALKAN MENEMUI PERDANA MENTERI AUSTRALIA BOB H  
AWKE

ESOK. ENCIK HAWKE IALAH BEKAS ANGGOTA JAWATANKUASA PEMANDU CTUC. -- B  
ERNAMA.

1911MST 16 10 89